



SIARAN MEDIA

WACANA ILMU SEMPENA PERISTIWA PENGISYTIHARAN TARIKH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

MELAKA: 21 Februari 2022 – YB Datuk Khaidhirah binti Abu Zahar, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka hari ini merasmikan program Wacana Ilmu Sempena Peristiwa Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Program wacana ilmu ini diadakan bagi tujuan memperingati kembali dan menghayati peristiwa sejarah kemerdekaan yang bermula selepas termenterainya Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu di London pada 8 Februari 1956 sehingga Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Banda Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956 sebelum menuju kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Selepas rombongan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj berjaya mencapai kejayaan kemerdekaan negara melalui rundingan, rombongan tersebut kembali ke Tanah Melayu dari London pada 16 Februari 1956 dan tiba di Singapura pada tengah malam 19 Februari 1956. Tunku Abdul Rahman Putra telah memutuskan untuk singgah ke negeri Melaka terlebih dahulu bagi mengumumkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu yang telah dipersetujui oleh British. Pada 20 Februari 1956, sejarah tercipta di Melaka apabila rombongan Merdeka ini tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka dengan menaiki pesawat *Malayan Airways* dan disambut dengan begitu meriah oleh pelbagai lapisan masyarakat. Detik penuh bersejarah yang dinanti-nantikan rakyat yang membanjiri Padang Banda Hilir akhirnya tiba apabila Tunku Abdul Rahman mengumumkan menurut perjanjian yang dicapai di London yang memutuskan bahawa Persekutuan Tanah Melayu akan mencapai kemerdekaan dengan rasminya pada tarikh 31 Ogos 1957.

Program Wacana Ilmu Sempena Peristiwa Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dianjurkan ini adalah khusus bagi menyuburkan kembali ingatan masyarakat terhadap detik penting perjuangan, cabaran, kesepakatan,

perpaduan dan kemakmuran dalam memperolehi kemerdekaan negara. Program seperti ini juga dapat menyediakan ruang bicara atau wadah interaksi pemikiran ilmiah serta perkongsian mengenai peristiwa pengisytiharan tarikh kemerdekaan sebelum, semasa dan selepas 20 Februari 1956 dalam menuju kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Tajuk wacana pada kali ini ialah 20 Februari 1956: Mengorak Langkah Menuju Merdeka.

Pada kali ini Arkib Negara Malaysia membawa dua tokoh pembicara yang arif dengan topik ini bagi mengupas lebih lanjut peristiwa pengisytiharan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu iaitu YBhg. Profesor Datuk Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz, Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan YBhg. Tan Sri Datuk Wira Prof. Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar, Pengurus, Pemegang Amanah Warisan Negeri Melaka. Manakala moderator yang mengendalikan sesi wacana tersebut ialah Prof. Madya Dr. Hamidin bin Abdul Hamid, Pensyarah dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Program Wacana Ilmu Sempena Peristiwa Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu adalah sebuah majlis yang dianjurkan oleh Arkib Negara Malaysia yang khusus untuk menyebarluaskan maklumat sejarah berkaitan dengan peristiwa pengisytiharan kemerdekaan. Ini sebahagian daripada peranan Arkib Negara Malaysia dalam melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri yang tinggi serta cintakan sejarah negara. Kumpulan sasar program seumpama ini ialah terdiri daripada ahli-ahli akademik, ahli-ahli sejarah, guru-guru sejarah, pensyarah dan penuntut IPTA/IPTS, agensi-agensi kerajaan dan orang awam yang berkaitan. Adalah diharapkan wacana ilmu yang dianjurkan oleh Arkib Negara ini dapat menjadi salah satu kaedah yang berkesan dalam mendekati Keluarga Malaysia melalui program ilmiah yang dapat menyebarluaskan peristiwa bersejarah negara yang penting terutama kepada generasi muda yang semakin melupakan sejarah kemerdekaan negara.

ARKIB NEGARA MALAYSIA

21 FEBRUARI 2022

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -
Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi
Arkib Negara Malaysia,
Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674
Emel: pro@arkib.gov.my